

um 12/7/16

Pantau harga ayam besar-besaran

KUALA LUMPUR 11 Julai - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) kini sedang membuat pemantauan secara menyeluruh berikutan kenaikan harga ayam di pasar-pasar utama di seluruh negara dan akan mengkaji punca sebenar, sebelum mengambil tindakan seterusnya terhadap peniaga.

Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Jamil Salleh berkata, pihaknya memulakan pemantauan besar-besaran mulai hari ini dan akan mengumpulkan maklumat balas dari negeri-negeri sebelum mengenakan tindakan.

“Hari ini sahaja, kita ada menerima laporan daripada bebera-

pa negeri berkaitan kenaikan harga ayam namun kenaikan tersebut tidaklah terlalu tinggi seperti yang dilaporkan sebelum ini.



JAMIL SALLEH

“Kita akan kumpulkan semua laporan ini sebelum mencari punca sebenar kenaikan harga yang melambung seperti yang didakwa berlaku di Kelantan, kelmarin,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenaikan harga ayam yang melambung setiap kali musim perayaan.

Menurut Jamil, pihaknya juga akan mengadakan perbincangan dalam masa terdekat dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam usaha me-

nangani masalah kenaikan harga ayam yang berlaku setiap tahun sepanjang musim perayaan.

Kata beliau, pihaknya hanya bertindak memantau harga ayam namun yang menetapkan harga ayam adalah tanggungjawab daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Dalam masa sama Jamil turut menasihatkan pengguna supaya lebih bijak dan bertindak memboikot peniaga yang menjual dengan harga yang tidak munasabah.

“Dalam hal ini, pengguna mempunyai kuasa besar supaya terus tidak ditindas dengan peniaga yang tamak mengaut keuntungan semata-mata.

“Malah, pembeli juga boleh mencari alternatif membeli ayam segar di tempat lain yang tidak menaikkan harga terlampau tinggi,” ujarnya.